

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENJANAAN TRIP
KE TEMPAT KERJA DAN KESAN PELAKSANAAN TELEWORKING
DALAM MENGURANGKAN PENCEMARAN UDARA

NORHAZLAN BIN HARON

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Sains (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2005

DEDIKASI

*Buat Mak, Ayah, Bang Pis, Bang Syam, Zali, Kak Azie,
Fatin Najwa tersayang. Terima kasih rakan-rakan dan sahabat,*

Istimewa buat Yatie kerana sentiasa memberi sokongan.

Terima kasih kerana sentiasa berada di belakang di kala memerlukan.....

Dan memahami keadaan sebenar.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada Prof. Dr. Supian bin Ahmad selaku penyelia tesis saya. Beliau telah banyak memberi dorongan, bimbingan serta tunjuk ajar sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun semasa kajian dan setahun sebagai Pembantu Penyelidik. Ribuan terima kasih kepada Dr. Muhammad Zaly Shah selaku pemeriksa dalam dan Prof Ghani Salleh sebagai pemeriksa luar. Prof. Dr. Rahmalan Ahmad, Dekan Sekolah Pengajian Siswazah yang membantu menawarkan Biasiswa UTM-PTP sebagai sokongan kewangan semasa pengajian.

Terima kasih juga buat Dr. Muhammad Tetsu Kubota yang banyak memberi idea dan sokongan bernas dan juga sebagai rakan, Prof. Dr. Abdullah Ab. Rahman, Dr. Hamid Saad dan Prof Madya Dr. Noraini Yusof selaku panel seminar pengajian siswazah yang banyak memberi komen berguna. Selain itu, sekalung penghargaan juga diberi kepada individu berikut:

- a) Encik Yusuf bin Mohammad, Pegawai Teknikal, Kedai Telekom Johor Bahru,
- b) Encik Adenan bin Ali, Ketua Teknikal, Pejabat Telekom Johor Bahru,
- c) Encik Mohd Faizal Alias, Eksekutif Kewangan, RHB Taman Molek,
- d) Puan Norhapilah binti Abd Rashid, Pegawai Akaun, di Tabung Haji Travel Kotaraya
- e) Encik Azmi bin Ibrahim, Eksekutif cawangan Bank Rakyat Johor Bahru.
- f) Para responden selaku pekerja firma yang memberi kerjasama dalam kajian soal selidik.

Ucapan terima kasih buat rakan pengajian siswazah, Pak Herdin, Pak Sarip, Pak Apriyan, Pak Ngakan, Sham, Hafiz, Hanizun, Assim. Sokongan saudara saya kenang selamanya.

ABSTRAK

Teleworking merupakan cara kerja baru berteraskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam menggantikan cara kerja lama (tradisi) kepada cara kerja baru di kawasan bandaraya. Kebanyakan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada, teleworking telah berjaya membantu mengurangi masalah kesesakan lalulintas dan pencemaran udara akibat penjanaaan trip kenderaan persendirian yang memasuki kawasan bandaraya. Pembangunan gunatanah kediaman yang berkembang pesat di kawasan pinggir bandar menyebabkan pusat bandar masih lagi berfungsi sebagai pusat kerja (*employment center*) sekaligus memaksa pekerja menjana trip kerja harian ke pejabat. Pergerakan kenderaan yang banyak ke dalam bandar menyumbang kepada pelepasan bahan cemar seperti CO, NOx dan HC dan sekaligus memberi kesan kepada kesihatan penduduk bandar serta kesesakan lalulintas. Selain daripada itu, pekerja terpaksa menanggung kos tempat letak kereta, petrol dan penyelenggaraan. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penjanaaan trip di kalangan pekerja ke tempat kerja dan kesan pelaksanaan teleworking dalam mengurangkan pencemaran udara. Dua hipotesis dibentuk. Pertama, lokasi kediaman pekerja di pinggir bandar mempengaruhi penjanaaan trip dan penerimaan teleworking. Kedua, penerimaan teleworking di kalangan pekerja boleh mengurangkan pencemaran udara melalui pengurangan trip ke tempat kerja. Satu tinjauan soal selidik dilakukan di kalangan 200 pekerja firma swasta di kawasan pusat daerah perniagaan. Maklumat yang diperolehi terbahagi kepada dua iaitu ciri-ciri pekerja yang menjana trip dan faktor-faktor yang mempengaruhi responden menjana trip. Maklumat dari responden di analisa menggunakan teknik frekuensi, jadual silang dan khi-kuasa dua. Teknik ini bertujuan untuk mendapatkan hubungan perkaitan antara penerimaan teleworking dan ciri-ciri yang mempengaruhi tahap kecenderungan responden terhadap teleworking. Hasil kajian mendapati peratus responden yang mengetahui tentang amalan kerja teleworking ialah sebanyak 75% (150) dan mereka juga bersetuju untuk melaksanakan teleworking. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaannya termasuk lokasi kediaman di pinggir bandar melebihi 10km kerana faktor jarak dan masa perjalanan yang lama di samping faktor kesesakan lalulintas, pencemaran udara dan tanggungan kos. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan teleworking boleh mengurangkan penjanaaan trip dan sekaligus mengurangkan pencemaran udara di kawasan bandaraya.

ABSTRACT

Teleworking is a new way of working based upon information and communication technologies which is rapidly replacing the old method of working in the cities. In most developed countries including the United States, United Kingdom and Canada, this new way of working has managed to help reduce the problem of traffic congestion and air pollution due to work related trip generated from private vehicles entering the cities. The rapid growth of residential landuse in urban fringe has caused the CBD area to continue to function as the employment center of the population forcing office workers to generate trips to their offices in the cities. The large movement of private vehicles entering the city centre area contributes to the rapid increase of CO, NO_x, HC emissions thus affecting the general health condition of the urban population. In addition, it also increases the traffic congestion in already congested city. In addition, office workers' need to bear travel related cost such as car park, fuel and maintenance costs. The purposes of this study are firstly to determine that influence trip generation among the workers and secondly to assess the impacts of teleworking in reducing air pollution. Two hypotheses were generated in this study. First, the location of residences in urban fringe will influence the number of trips generated and their tendency to telework. Secondly, their willingness to adopt teleworking will help reduce air pollution through the decrease in work trip. A questionnaire survey was undertaken among 200 private sector offices worker in Johor Bahru CBD area. Informations obtained are divided into two parts which are the characteristics of the respondents and the factors that contribute to trip generation. Data collected from respondents were analyzed using standard statistical techniques such as frequency distribution, cross tabulation and the Chi-square. The study has shown that 75% (150) of the respondents has some knowledge about the practice of teleworking and are willing to adopt it. The home location of the respondents at the urban fringe with more than 10 km distance and the time taken to travel to work act as the main reasons for the respondents to choose teleworking. In addition, traffic congestion, air pollution and the cost related to travel to work are other reasons. It can be concluded that the acceptance of teleworking will help reduce trip generation and hence the level of pollution in the city.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI RAJAH	xix
	SENARAI FOTO	xxi
	SENARAI SINGKATAN	xxii
	SENARAI SIMBOL	xxiv
	SENARAI LAMPIRAN	xxv
1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Isu dan Masalah.	5
	1.2.1 Masalah Pencemaran Udara.	5
	1.2.2 Tekanan ke atas Alam Sekitar Bandaraya	8
	a) Peningkatan Bilangan Kenderaan Persendirian	8
	b) Kesesakan Lalulintas	10
	1.2.3 Peningkatan Hak Milik Kenderaan	11

1.2.4	Peningkatan Janaan Perjalanan	12
1.2.5	Kegagalan Perancangan Pengangkutan dan Pelan Pembangunan.	12
1.3	Matlamat dan Objektif Kajian	13
1.3.1	Matlamat Kajian	13
1.3.2	Objektif Kajian	13
1.3.3	Skop Kajian	14
a)	Skop Bidang Kajian	14
b)	Skop Kawasan Kajian	15
1.4	Persoalan Kajian dan Hipotesis	16
1.5	Kepentingan Kajian	17
1.6	Organisasi dan Cartalir Kajian	18
2	FAKTOR PELAKSANAAN TELEWORKING DAN PENJANAAN TRIP	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Penyerakan Bandar (Urban Sprawl)	23
2.2.1	Definisi Penyerakan Bandar.	24
2.2.2	Kesan Penyerakan Bandar	26
2.3	Interaksi antara Gunatanah, Pengangkutan dan Kualiti Alam Sekitar	27
2.3.1	Trend Perubahan Gunatanah	28
2.3.2	Trend Perubahan Trip Pengangkutan	29
a)	Trend Perubahan di negara Barat	30
2.3.3	Trend Perubahan Bandar, Alam Sekitar	33
2.4	Isu Sumber Tenaga dan Tahap Penggunaannya	34
2.5	Perkembangan Ekonomi Global.	36
2.6	Langkah-langkah Menangani Isu-isu Bandaraya	38

2.6.1	Konsep Pembangunan Seimbang	38
2.6.2	Pembangunan Luar Bandar	38
2.6.3	Penggunaan Tenaga Biodisel	39
2.7	Pelaksanaan Dasar Kerajaan	41
2.7.1	Dasar Kerajaan Malaysia	41
2.7.2	Dasar Negara Luar Terpilih	43
a)	Perundangan Clean Air Act (Amerika Syarikat)	43
b)	Pelaksanaan Pertumbuhan Pintar	45
2.8	Kesimpulan	49
3	ISU PENCEMARAN UDARA DAN PELAKSANAAN TELEWORKING	51
3.1	Pengenalan	51
3.2	Perkembangan dan Definisi Pencemaran Udara	51
3.3	Kronologi Pencemaran Udara	53
3.4	Sebab dan Punca Pencemaran Udara	55
3.4.1	Pertambahan Bilangan Kenderaan dan Pencemaran	55
3.5	Pengeluaran Bahan Buangan Tercemar Dari Kenderaan	56
3.5.1	Karbon Monoksida (CO)	59
3.5.2	Nitrogen Oksida (NO/NO _x)	60
3.5.3	Hidrokarbon (HC)	61
3.5.4	Sulfur Dioksida (SO)	61
3.5.5	Zarah-zarah Kecil (Particulate Matter)	61
3.6	Kesan Pencemaran Udara Kepada Alam Sekitar	62
3.6.1	Kesan Kepada Kesihatan	63
3.6.2	Kesan Kepada Wilayah Bandaraya	66
3.6.3	Kesan Kepada Iklim Global	67
3.7	Kos Tanggungan Melalui Kesesakan Lalulintas	67

3.8	Teleworking dalam Menangani Isu Trafik dan Pencemaran Udara.	69
3.8.1	Jenis-jenis Teleworking	71
3.9	Perkembangan Pelaksanaan Teleworking	73
3.10	Kajian-kajian Teleworking Lepas	76
3.11	Kesimpulan	80
4	METODOLOGI KAJIAN	82
4.1	Pengenalan	82
4.2	Cartalir metodologi kajian	83
4.3	Teknik kajian di lapangan	86
4.3.1	Kaedah pengumpulan maklumat responden	87
4.3.2	Populasi	87
4.4	Kawasan kajian	88
4.4.1	Perkembangan Ekonomi	91
4.4.2	Perkembangan Bilangan Pekerja	91
4.4.3	Penjanaan Trafik	92
4.4.4	Pelepasan Bahan Cemar di kawasan Pusat Bandaraya Johor Bahru	95
4.5	Penyelarasan Kajian di lapangan	96
4.5.1	Rekabentuk Soalan Soal Selidik	96
4.5.2	Kajian Rintis	97
4.6	Teknik Persampelan	98
4.6.1	Penentuan Saiz Sampel Responden	98
4.7	Kaedah Pengumpulan Data dan Maklumat Kajian	101
4.7.1	Pendekatan Kaedah Pengumpulan Data	102
4.8	Teknik Analisis Data	102
4.8.1	Batasan Teknik Analisis	103
4.8.2	Ciri-ciri Asas Responden	103

	4.8.3	Kecenderungan Terhadap Pelaksanaan Teleworking	105
	4.9	Rumusan	105
5		ANALISIS CIRI-CIRI RESPONDEN, FAKTOR PENJANAAN TRIP DAN PENCEMARAN UDARA DI PUSAT BANDARAYA JOHOR BAHRU	107
	5.1	Pengenalan	107
	5.2	Kaedah Analisis	108
	5.3	Ciri-ciri Responden	109
	5.3.1	Umur responden	109
	5.3.2	Jantina dan Status Perkahwinan Responden	110
	5.3.3	Ciri-ciri Lokasi Kediaman dan Jarak ke pejabat	110
	a)	Lokasi dan Pemilihan Tempat Kediaman	111
	b)	Sebab Memilih Kediaman dan Tempoh Menetap.	113
	5.4	Ciri-ciri Responden di dalam Firma	114
	5.4.1	Jawatan Responden di dalam Firma	114
	5.4.2	Tempoh Masa Bekerja Responden	116
	5.4.3	Tahap Pendidikan Responden	116
	5.5	Ciri-ciri Isirumah Responden	118
	5.5.1	Mod Pengangkutan dan Jarak Perjalanan Anak ke sekolah	118
	5.6	Ciri-ciri Trip Perjalanan dan Mobiliti Kenderaan	119
	5.6.1	Bilangan Kereta yang Dimiliki Responden	120
	5.6.2	Sebab Memilih Kenderaan Persendirian ke tempat Kerja	121
	5.6.3	Tahun Kenderaan dan Kapasiti Kenderaan	122
	5.6.4	Jarak dan Masa Responden ke tempat Kerja	123

5.6.5	Gambaran Semasa Trafik yang Dialami	124
a)	Kedadaan Trafik dan Hari Sesak yang Dialami	125
b)	Trip Sampingan dan Jenis Trip	126
5.6.6	Tanggungan dan Kos yang Dihadapi Responden	127
a)	Tanggungan Kos Tempat Letak Kereta	127
b)	Tanggungan Kos Minyak	127
c)	Tanggungan Kos Penyelenggaraan Kenderaan	128
5.7	Langkah Mengurangkan Kesesakan Lalulintas	129
5.8	Persetujuan Melaksanakan Teleworking	130
5.8.1	Peralatan ICT Responden di pejabat	131
5.8.2	Tahap Penggunaan ICT di pejabat	132
5.8.3	Persetujuan Teleworking dan Kekerapan Guna ICT di pejabat	133
5.8.4	Tahap Guna ICT Responden di rumah Dan Persetujuan Melaksanakan Teleworking	134
5.8.5	Persetujuan Teleworking dan Kekerapan Guna ICT di rumah	135
5.8.6	Persetujuan Teleworking dan Pendapatan	136
5.8.7	Persetujuan Melaksanakan Teleworking dan Tahap Pendidikan Responden	137
5.8.8	Persetujuan Melaksanakan Teleworking dan Sektor Pekerjaan	138
5.8.9	Kekerapan dan Frekuensi Penggunaan Internet di rumah	138
5.8.10	Kekerapan dan Tujuan Menggunakan Khidmat SMS	139
5.9	Kesimpulan	140

6	KECENDERUNGAN RESPONDEN TERHADAP PELAKSANAAN TELEWORKING DAN KESAN DALAM MENGURANGKAN PENCEMARAN UDARA	143
6.1	Pengenalan	143
6.2	Kecenderungan Terhadap Konsep Teleworking	144
6.3	Ciri-ciri Kediaman di pinggir Bandar dan Mobiliti Kenderaan	145
6.3.1	Teleworking dan Lokasi Kediaman	145
6.3.2	Teleworking dan Masa Perjalanan ke tempat Kerja	147
6.3.3	Kesungguhan Terhadap Cara Kerja Baru dan Faktor Kesyakan Lalulintas	148
6.3.4	Teleworking dan Jumlah Hari Bekerja Seminggu	150
6.4	Teleworking dan Pengurangan Pencemaran Udara Melalui Pengurangan Penjanaan Trip Harian ke tempat Kerja	152
6.4.1	Teleworking dan Pengetahuan Mengennainya	153
6.4.2	Sumber Pengetahuan Mengenai Teleworking	154
6.4.3	Kecenderungan Melaksanakan Teleworking Dengan Faktor Cara Kerja Sekarang	155
6.5	Faktor Mempengaruhi Kesyakan Melaksanakan Teleworking	157
6.5.1	Kecenderungan Melaksanakan Teleworking dan Faktor Kesyakan Trafik	157
6.5.2	Teleworking dan Faktor Pencemaran Udara	160
6.5.3	Teleworking dan Faktor Masa Kesyakan	162
6.6	Teleworking dan Faktor Tanggungan Kos	164
6.6.1	Faktor Kos Tempat Letak Kereta	165
6.6.2	Faktor Tanggungan Kos Minyak Kereta	166
6.6.3	Faktor Tanggungan Kos Penyelenggaraan Kenderaan Setahun	168
6.7	Rumusan Analisis	170

7	RUMUSAN	173
7.1	Pengenalan	173
7.2	Fokus Kajian	175
7.3	Penemuan Utama Kajian	176
7.3.1	Anggaran Pengurangan Bilangan Trip	180
7.3.2	Anggaran Pengurangan Bahan Cemar	181
7.4	Rangsangan Pelaksanaan Teleworking melalui Dasar.	185
7.5	Pelaksanaan Teleworking di kalangan Pekerja	188
7.5.1	Program Pelaksanaan Teleworking	188
7.5.2	Dasar Majikan Melaksanakan Teleworking	189
7.6	Implikasi kajian Kepada Perancangan Bandar dan Wilayah	190
7.7	Kajian Masa Hadapan	192
7.8	Rumusan	192
	SENARAI RUJUKAN	194 - 210
	LAMPIRAN A – K	211 - 221

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Pelepasan bahan pencemar mengikut punca, 1998 – 2002.	6
1.2	Pencemaran udara mengikut punca pencemaran (2005).	6
1.3	Pelepasan bahan cemar mengikut jenis kenderaan	7
1.4	Pelepasan bahan pencemar ke udara mengikut jenis melalui punca bergerak 1998-2002.	7
1.7	Bilangan kenderaan bermotor berdaftar mengikut jenis, Malaysia, 1996 – 2002	9
1.9	Anggaran kenderaan persendirian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1973, 1980 dan 2000	11
2.1	Purata masa ke tempat kerja dalam minit tahun 1990 hingga 2000	31
2.2	Status penggunaan tenaga dunia secara komersil tahun 1999	34
2.3	Penggunaan akhir tenaga petroleum (komersil) mengikut sektor, Malaysia 1995 - 2000	35
2.7	Pendekatan Smart Growth	47
2.8	Penekanan di dalam Pertumbuhan Pintar	48
3.1	Episod pencemaran udara yang serius.	54

3.2	Jumlah pelepasan bahan cemar di U.S mengikut kategori per tahun	57
3.3	Kadar pelepasan bahan cemar berdasarkan halaju kenderaan	58
3.4	Pelepasan bahan cemar ke udara Malaysia 2000 - 2002	59
3.5	Bahan cemar dan kesan terhadap alam sekitar.	62
3.6	Kesan dan simptom dari carboxy-hemoglobin.	64
3.7	Kesan terhadap kesihatan dan alam sekitar melalui kenderaan bermotor.	65
3.8	Kos yang dihadapi akibat pencemaran udara dan kesesakan.	68
3.9	Bilangan pekerja teleworking di Amerika Syarikat (1997 – 2003)	75
3.10	Bilangan pekerja teleworking di UK tahun 2000	75
3.13	Faktor utama pelaksanaan teleworking dalam pengurusan pekerja.	77
4.1	Jenis kerja yang bersesuaian dengan teleworking	88
4.2	Populasi MBBJ semasa dan unjuran 1991 – 2010	90
4.3	Pekerjaan semasa dan unjuran mengikut sektor tahun 1992 – 2010	92
4.4	Bilangan kenderaan masuk ke pusat bandar Johor Bahru (1999 – 2005)	94
4.5	Bilangan firma mengikut jenis di pusat bandaraya JB	98
4.6	Bilangan firma mengikut jenis	100
5.1	Umur responden	109
5.2	Jantina dan status perkahwinan responden	110
5.3	Lokasi kediaman responden	112
5.4	Bilangan responden dan jarak lokasi kediaman	112
5.5	Tempoh menetap dan sebab memilih kediaman	113
5.6	Jawatan responden di dalam firma	115
5.7	Tempoh masa bekerja responden (pekerjaan semasa)	116
5.8	Tahap pendidikan responden dan pendapatan kasar setahun	117

5.9	Bilangan anak bersekolah	118
5.10	Mod pengangkutan dan jarak anak ke sekolah	119
5.11	Pendapatan kasar setahun dan pemilikan kenderaan persendirian	120
5.13	Tahun dan kapasti kenderaan	122
5.14	Mod pengangkutan dan masa ke tempat kerja	124
5.15	Keadaan trafik dan hari sesak yang dialami	125
5.16	Trip sampingan dan jenis trip	126
5.17	Peratus tanggungan kos berbanding purata pendapatan responden	128
5.18	Langkah mengurangkan kesesakan trafik	129
5.19	Tahap penggunaan peralatan ICT dalam kerja harian responden	132
5.20	Minat teleworking dan kekerapan guna ICT di pejabat	134
5.21	Minat teleworking dan kekerapan guna ICT di rumah	136
5.22	Minat teleworking dan pendapatan tahunan	137
5.23	Minat teleworking dan tahap pendidikan responden	137
5.25	Kekerapan menggunakan khidmat SMS	140
6.1	Penerimaan melaksanakan teleworking dan jarak lokasi kediaman	146
6.2	Kesediaan terhadap teleworking dan faktor masa ke tempat kerja	148
6.3	Kecenderungan melaksanakan teleworking dan faktor kesesakan lalulintas	149
6.4	Kesediaan untuk melaksanakan teleworking dan faktor jumlah hari bekerja seminggu.	151
6.5	Kesediaan melaksanakan teleworking dan persetujuan bilangan hari bekerja secara teleworking	152
6.6	Kecenderungan melaksanakan teleworking dan pengetahuan mengenai teleworking.	153
6.7	Sumber pengetahuan mengenai teleworking	155
6.8	Kecenderungan melaksanakan teleworking dan kesesuaian kerja dengan teleworking.	156

6.9	Minat melaksanakan teleworking dan faktor kesesakan trafik.	159
6.10	Keputusan melaksanakan teleworking dan faktor pencemaran udara.	161
6.11	Kecenderungan melaksanakan teleworking dan faktor masa kesesakan.	163
6.12	Kecenderungan responden melaksanakan teleworking dan faktor kos tempat letak kereta.	165
6.13	Kecenderungan responden melaksanakan teleworking dan faktor kos petrol sebulan.	167
6.14	Kecenderungan responden melaksanakan teleworking dan faktor kos penyelenggaraan kenderaan setahun.	169
6.15	Rumusan analisis	171
7.1	Faktor berkaitan dengan kecenderungan terhadap teleworking	177
7.2	Anggaran pengurangan bilangan trip bagi satu responden	180
7.3	Anggaran pengurangan bilangan trip bagi 200,000 kenderaan	180
7.4	Anggaran kiraan isipadu bahan cemar setiap kenderaan sehari	182
7.5	Anggaran kiraan jumlah pengurangan bahan cemar setelah melaksanakan teleworking	182
7.6	Pengiraan pengurangan bahan cemar daripada 200 responden yang melaksanakan teleworking	183
7.7	Kerangka dasar pelaksanaan teleworking	189

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Cartalir kajian.	19
2.1	Kesan langsung dan tidak langsung terhadap alam sekitar	33
2.2	Faktor yang mempengaruhi kewujudan bandar	37
2.3	Teknik pembangunan melalui konsep Pembangunan Padat	43
3.1	Jenis pelepasan bahan cemar oleh sebuah kenderaan	58
3.2	Graf kualiti udara dan tren pelepasan bahan cemar Minnesota USA, 1997	60
3.3	Perkaitan antara sumber bahan cemar dengan risiko kanser	65
3.4	Jenis teleworking mengikut pernyataan oleh Ursula Huws.	72
3.5	Bilangan teleworker di Eropah, 2000	74
3.6	Penetapan lokasi gunatanah oleh model equilibrium Safirova	78
4.1	Carta alir metodologi kajian	85
4.2	Bandaraya Johor Bahru dan kawasan Daerah Perniagaan Johor Bahru	89
4.3	Teknik analisis yang digunakan dalam kajian	104
5.1	Jarak terdekat kediaman responden dari pusat bandar	111

5.2	Penggunaan peralatan ICT yang tinggi di kalangan responden	132
5.3	Peralatan ICT di rumah di kalangan responden.	135
7.1	Kerangka dasar perancangan fizikal bagi pengurangan trip perjalanan	186

SENARAI FOTO

FOTO	TAJUK	MUKA SURAT
1	Jalan Skudai (masa: 7.30pg-8.30pg)	92
2	Lebuhraya Skudai-JB (masa: 7.30pg-8.30pg)	92
3	Jalan Tebrau (masa: 7.30pg-8.30pg)	92
4	Jalan Tun Abd Razak (masa: 7.30pg-8.30pg)	92
5	Jejantas BBU-JB (masa: 8.30pg-9.30pg)	93
6	Laluan Tampoi-JB (masa: 8.30pg-9.30pg)	93
7	Jejantas Tmn Perling dari Pasir Gudang (8.30pg- 9.30pg)	93
8	Jejantas Tmn Perling dari Taman Perling (8.30pg- 9.30pg)	93

SENARAI SINGKATAN

AWASI	-	Kawalan Pelepasan Asap oleh Enjin Diesel
AS	-	Amerika Syarikat
CAP	-	Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Sahabat Alam Pulau Pinang
CBD	-	Central Business District
CFC	-	Chlorofluorocarbon
Df	-	Degree of Freedom
DPN	-	Dasar Pembangunan Negara
EPA	-	Environmental Protection Agency
FIRES	-	Finance, Insurance and Real Estates
ICT	-	Information and Communication Technology
JB	-	Johor bahru
JICA	-	Japan International Cooperation Agency
JPJ	-	Jabatan Pengangkutan Jalan
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
K-ekonomi	-	Knowledge Economy
k-workers	-	Knowledge Workers
LRT	-	Sistem Transit Aliran Ringan
MAPEN	-	Majlis Perundingan Ekonomi Negara
MBJB	-	Majlis Bandaraya Johor Bahru
MDC	-	Perbadanan Pembangunan Multimedia
MIMOS	-	Malaysian Institute Microelectronic System
MMS	-	Multimedia Message System
MSC	-	Multimedia Super Corridor
NITA	-	Agenda IT Negara
NITC	-	Majlis IT Negara

P-ekonomi	-	Pekerja Ekonomi
ppb	-	parts per billion (bahagian setiap billion)
ppm	-	parts per million (bahagian setiap juta)
PRE	-	Proportional reduction in error statistic
RM	-	Ringgit Malaysia
RM6	-	Rancangan Malaysia ke-6
RM7	-	Rancangan Malaysia ke-7
RM8	-	Rancangan Malaysia ke-8
RRJP	-	Rangka Rancangan Jangka Panjang
SME	-	Small and Medium Enterprise
SMS	-	Short Message System
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
STIC	-	Agenda Teras Strategik
TRIP	-	The Road Information Program
TTI	-	The Texas Transportation Institute's
UNECE	-	United Nations Economic Commissions for Europe
UNDP	-	United Nation Development Program
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
WAP	-	Wireless Application Protocol
VMTs	-	Vehicles Miles Travels
WHO	-	World Health Organisation

SENARAI SIMBOL

cc	-	Carrying Capacity
CH ₄	-	Methana
CO ₂	-	Carbon Dioxide
EJ	-	exajoule
g	-	gram
HC	-	Hidrokarbon
J	-	Joule
Kg	-	kilogram
km.	-	kilometer
NO _x	-	Nitrogen Oxide
PJ	-	Petajoule
SO _x	-	Sulfur Dioxide
VOC	-	Volatile Organic Compounds
µm	-	Nanometer
(α)	-	Tahap signifikan
λ	-	nilai Lambda
%	-	Peratus
(χ ²)	-	Khi Kuasa Dua
≤	-	Lebih kecil atau sama dengan
=	-	Sama dengan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Jadual 1.5: Purata bulanan kepekatan CO dan NO ₂ di udara Lembah Klang	211
B	Jadual 1.6: Peratusan penduduk bandar mengikut negeri, Malaysia, 1980, 1991, 2000 dan 2002.	212
C	Jadual 1.8: Bilangan kenderaan bermotor mengikut jenis dan negeri, Malaysia 2000.	213
D	Jadual 2.4: Permintaan tenaga akhir komersil mengikut sumber.	214
E	Jadual 2.5: Penggunaan akhir tenaga komersil mengikut sektor	215
F	Jadual 2.6: Bekalan tenaga komersil asas mengikut sumber, 1995 – 2005.	216
G	Jadual 3.11: Bilangan dan unjuran teleworker 1999 – 2005	217
H	Jadual 3.12: Bilangan syarikat yang mengamalkan teleworking mengikut saiz di Malaysia	218
I	Jadual 5.11: Lokasi kediaman dan sebab memilih kenderaan	219
J	Jadual 5.23: Minat melaksanakan teleworking dan kategori syarikat	220
K	Borang soal selidik	221

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di kawasan bandar-bandar besar seringkali dinyatakan sebagai masalah utama dan dikatakan membawa kepada masalah pencemaran udara akibat pelepasan bahan cemar oleh kenderaan bermotor. Secara umumnya punca “penyakit” ini ialah aktiviti ekonomi cara baru yang terhasil daripada perubahan penggunaan ICT. Perubahan ini menyumbang kepada petanda ekonomi tanpa batasan dimana perubahan kerja telah berlaku daripada tradisi kepada lokasi yang berubah-ubah (*flexible location*) dan dibekalkan dengan keperluan teknologi maklumat dan komunikasi (Naisbitt J. 1997). Tambahan pula, langkah dalam memperkembangkan penggunaan ICT juga dirangkakan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang III (RRJP) (Malaysia, 2002). Secara tidak langsung, penggunaan ICT di kalangan pekerja juga semakin bertambah terutama di kawasan MSC di mana pada tahun 2000, daripada 11,911 orang pekerja, 9,842 adalah pekerja pengetahuan. Pada tahun 2001 pula, dari 14,438 pekerja, 12,169 adalah pekerja pengetahuan (Norsaidatul Akmar Mazelan, 1999).

Perubahan terhadap perkembangan ICT ini telah menuntut kepada perkembangan pembangunan ekonomi yang pesat serta penyerakan pembangunan dari kawasan bandar utama ke kawasan luar bandar (Blunden, 1995). Gunatanah di kawasan luar bandar utama telah dibangunkan menjadi bandar satelit (Glasson, 1991) bertujuan untuk menampung kesesakan bilangan penduduk yang semakin padat di

kawasan bandaraya dan bandar utama. Maka bandar akan dihubungkan dengan sistem lalulintas dan telekomunikasi serta sistem pengangkutan. Sistem lalulintas yang diwujudkan di bandar utama menjadi pemangkin kepada pertambahan bilangan kenderaan sekaligus meningkatkan kesesakan lalulintas di kawasan bandaraya.

Blunden (1995) menyatakan seperti berikut.

“Sistem trafik merupakan perkaitan antara tahap aktiviti gunatanah dan keupayaan pengangkutan. Sebarang sistem, kegunaan komponen gunatanah, atau pengangkutan akan saling memberi kesan, atau interaksi dengan komponen lain. “kenderaan” bagi interaksi ialah trafik”.

Blunden menganggap kemudahan pengangkutan merujuk kepada potensi berkomunikasi antara gunatanah. Hubungan antara setiap gunatanah akan menjanakan pertambahan bilangan trip kenderaan keluar masuk samada ke tempat kerja mahupun sebaliknya. Blunden juga menganggap gunatanah dan pengangkutan sebagai dua konsep yang digabungkan sebagai satu sistem bagi menggambarkan perkaitan antara aktiviti gunatanah (populasi, pekerjaan) dan kemudahan pengangkutan (kapasiti, halaju, kos) (Blunden, 1995). Hall dan Fagen (1986) pula menggambarkan sistem sebagai satu set objek yang saling berkait. Maka ia membantu dalam konsep gunatanah (perumahan, perindustrian, perdagangan) dan kemudahan pengangkutan (jalan, pelabuhan, stesen keretapi) sebagai objek (komponen) sistem. Perantaraan yang menggabungkan setiap gunatanah ialah trafik dimana zon aktiviti gunatanah akan menarik perhatian tenaga kerja dari kawasan aktiviti lain dan menawarkan pekerjaan kepada penduduk di sekitar zon perumahan (Hall & Fagen, 1956). Begitu juga pusat aktiviti seperti komersil atau perdagangan, rekreasi dan perindustrian yang menarik perhatian penduduk persekitaran (Blunden, 1995). Daya tarikan ini menimbulkan pertambahan penjanaan trip terutama ke dalam kawasan bandar seperti yang berlaku kepada bandaraya Kuala Lumpur.

Perkaitan antara aktiviti gunatanah dan pengangkutan menyebabkan bilangan kenderaan semakin bertambah di kawasan bandar utama. Pada tahun 1998, bilangan kenderaan bermotor berdaftar negara ini mencatatkan sebanyak 9,141,357 (Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, 2000) berbanding bilangan penduduk negara seramai

25 juta (Jabatan Perangkaan, 2003). Bilangan kenderaan persendirian sahaja mencatatkan 8,442,208 iaitu 92.35% dari keseluruhan kenderaan. Peningkatan pemilikan kenderaan ini akan meningkatkan trip perjalanan, kesesakan lalulintas dan pengeluaran bahan cemar udara terutamanya di kawasan bandaraya seperti Kuala Lumpur (Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, 2000). Pertambahan trip kenderaan juga akan memberikan implikasi yang serius ke atas alam sekitar dari segi krisis penggunaan tenaga, pencemaran alam sekitar dan kesesakan lalulintas (Dayomi 1999). Pelepasan bahan cemar mengakibatkan kewujudan pencemaran udara yang serius di kawasan bandaraya utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Menurut Laporan Kualiti Alam Sekitar Malaysia, 1998, kenderaan bermotor kekal sebagai punca utama pencemaran udara negara. Dari 8.9 juta kenderaan bermotor yang didaftarkan pada tahun 1998, dianggarkan sejumlah 2 juta tan karbon monoksida, 237,000 tan nitrogen oksida, 111,000 tan hidrokarbon, 38,000 tan sulfur dioksida dan 17,000 tan partikulat dilepaskan ke atmosfera. Di bawah program penguatkuasaan bagi pelepasan asap hitam dari kenderaan berdiesel yang dikenali sebagai AWASI, pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara pada tahun 1999 dimana sejumlah 28,019 buah kenderaan telah diperiksa secara visual. Sejumlah 1,416 telah disaman kerana melepaskan bahan cemar yang melepasi tahap kawalan manakala 830 buah kenderaan lagi telah diberikan perintah larangan.

Pelbagai langkah telah pun dilaksanakan oleh kerajaan serta pihak tertentu dalam menangani isu pencemaran udara termasuk strategi dan program menerusi perancangan fizikal, ekonomi dan sosial dijalankan untuk menangani isu di kawasan metropolitan. Begitu juga pembinaan persimpangan bertingkat, pertambahan pembinaan jalan raya dan pelebaran jalan (Dicken, 1992). Namun begitu, langkah ini hanya mampu menangani dalam tempoh tertentu sahaja. Kerumitan ini perlu diatasi terutama dalam menyatupadukan perancangan yang membabitkan pembangunan tanah, pengangkutan dan ekonomi (Hanson, 1998). Hanson (1998) menyarankan supaya perancangan gunatanah dan sistem pengangkutan digabungkan bagi memendekkan perjalanan dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Kewujudan persimpangan bertingkat hanya akan mengakibatkan pertembungan di susur keluar dan mewujudkan kesesakan. Pembinaan jalanraya juga perlu mempunyai batasan jumlah tertentu supaya dapat menghadkan bilangan kenderaan di atas jalan (Khairiah Talha, 2001).

Alternatif lain yang dilaksanakan di negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom ialah pelaksanaan teleworking. Konsep teleworking telah dipraktikkan di negara maju sejak awal 1970an. Nilles, bapa kepada konsep teleworking telah mendefinisikan teleworking sebagai alternatif pengurusan dalam perubahan kepada telekomunikasi dan komputer. Dengan kata lain, ia merujuk kepada pertukaran perjalanan fizikal kepada perjalanan elektronik (Nilles, 1973). Kajian oleh National Environmental Policy Institute, U.S. menyatakan bahawa setiap minggu, 32,000,000 pekerja melaksanakan teleworking sekurang-kurangnya sehari. Ini telah berjaya mengurangkan penjalanan trip sebanyak 1,260,800,000 batu (bersamaan 51,000 kali mengelilingi dunia). Situasi ini juga mampu mengurangkan 74,167 galen petrol dan sekaligus mengurangkan pelepasan bahan cemar sebanyak 1,881,955,230 lbs atau 540,978 tan bahan cemar seperti karbon monoksida, karbon dioksida, nitrogen oksida, bahan partikulat dan hidrokarbon. (NEPI, 2002). Bukti ini jelas menunjukkan bahawa teleworking mampu mengurangkan Vehicle Miles Traveled (VMTs) daripada trip perjalanan.

Menurut definisi umum yang sering dinyatakan oleh pengkaji terdahulu, teleworking merupakan “cara bekerja secara jarak jauh dan dilengkapi dengan teknologi maklumat dan komunikasi”. Menurut Cheah (1999) pula, cara kerja ini merupakan mod kerja yang berpandukan kepada jenis pekerjaan. Ia mampu memperbaiki cara hidup dan kerja serta berpotensi ke arah kualiti hidup yang lebih baik. Tema teleworking lebih banyak digunakan di negara Eropah manakala telecommuting pula lebih banyak digunakan di Amerika Syarikat.

Di negara Malaysia, kajian pelaksanaan teleworking masih baru dan telah dilaksanakan oleh beberapa institusi pengajian tinggi dan badan swasta seperti MIMOS. Tujuan utama kajian ialah mengatasi masalah pembangunan semasa dan salah satu darinya ialah masalah pencemaran udara. Bagi mengatasi masalah pencemaran udara akibat penjalanan trip ke tempat kerja melalui pelaksanaan teleworking, beberapa kajian terdahulu telah pun dilaksanakan di beberapa negara maju. Kajian yang dilaksanakan oleh Semmens pada tahun 1997 memberi penekanan kepada langkah mengatasi masalah kesesakan trafik dan pencemaran udara di kawasan bandar terutama di Phoenix dan Scottsdale, Arizona (Semmens, 1997). Pendekatan ke arah pelaksanaan teleworking merupakan tindakan susulan yang

berlaku selepas kenaikan cukai oleh pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan fasiliti pengangkutan. Sebagai langkah alternatif untuk mengurangkan kadar cukai ini, Semmens (1997) bercadang memperkenalkan cara kerja baru ini di kalangan pekerja yang menjana trip harian dengan memperkenalkan jadual pelaksanaan teleworking melalui faedah pengurangan tenaga, masa dan kos perjalanan.

Berdasarkan pelaksanaan teleworking sebagai usaha menangani isu pencemaran udara dan kesesakan lalulintas, kajian ini akan memfokuskan kepada pelaksanaan teleworking dengan merujuk kepada keupayaannya dalam menangani isu dengan menjurus kepada pemahaman mengenai penjanaan trip ke tempat kerja di kawasan bandaraya yang menyumbang kepada masalah pencemaran udara.

1.2 Pernyataan Isu dan Masalah

Berdasarkan perkembangan bandar dan bandaraya yang dinyatakan terdahulu, beberapa isu dan masalah dikenalpasti sebagai punca utama berlakunya pencemaran udara di kawasan bandar yang mendorong kepada alternatif pelaksanaan teleworking bagi mengatasinya. Antara isu utama ialah pencemaran udara kesan dari pengguna kenderaan bermotor ke tempat kerja, tekanan alam sekitar ke atas bandar seperti masalah pertambahan bilangan kenderaan dan penjanaan trip ke tempat kerja.

1.2.1 Masalah Pencemaran Udara

Pencemaran udara merupakan masalah yang semakin menular di kebanyakan kawasan bandaraya samada di negara maju, negara membangun mahupun negara dunia ketiga. Di bandaraya utama seperti Kuala Lumpur, tahap pencemaran udara masih lagi di bawah garis panduan WHO iaitu IPU50 tetapi ia dianggarkan akan meningkat melebihi 100 peratus pada 2005 sekiranya langkah-langkah pengawalan tidak dipergiatkan (Draf Pembangunan Wilayah Lembah Klang, 1998-2020). Pencemaran udara terutama di kawasan bandaraya berasal dari tiga punca utama iaitu punca bergerak (kenderaan), punca tetap (stesen janakuasa dan industri) dan

pembakaran sisa. Punca bergerak iaitu kenderaan bermotor merupakan penyumbang utama bahan cemar ke udara sebanyak 2,939.9 ribu tan metrik pada tahun 2002. Ini menyumbang lebih kurang 80.4% daripada jumlah pelepasan pada tahun 2002 berbanding 73.8% pada tahun 1998. Manakala pelepasan punca tetap dan pembakaran sisa masih dianggap sedikit dan pada tahap tidak membimbangkan (Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Pelepasan bahan pencemar mengikut punca, 1998 – 2002

Sumber	Tahun				
	1998	1999	2000	2001	2002
	‘000 tan metrik				
Punca bergerak	2,402.8	2,563.1	2,642.6	2,561.7	2,939.9
Punca tetap	706.5	461.4	566.7	308.0	702.1
Pembakaran sisa	146.5	114.2	29.2	8.6	14.6
Jumlah	3,255.8	3,138.7	3,238.5	2,878.3	3,656.6

Sumber: Jabatan Alam Sekitar (2003), “Kompedium Perangkaan Alam Sekitar 2003”.

Daripada pelepasan bahan cemar mengikut jenis, unjuran janaan pencemaran udara mengikut punca pencemaran tahun 2005 mencatatkan kadar yang tinggi terutama kenderaan bermotor. Punca daripada kenderaan bermotor merupakan penyumbang utama CO iaitu 100% (659,233), NO_x sebanyak 71.2% (82,199 tan) dan HC sebanyak 166,720 tan. Bahan CO merupakan kandungan utama yang dikeluarkan dari kenderaan melalui pembakaran bahan api petrol. Bagi sumber kilang, stesen janakuasa dan kilang am mencatatkan jumlah yang tinggi bagi SO_x berbanding bahan cemar CO dan HC (Jadual 1.2).

Jadual 1.2: Pencemaran udara mengikut punca pencemaran (2005)

Stesen	SO _x	NO _x	PM	HC	CO
Kilang	41,324	30,469	10,604	-	-
stesen janakuasa	30,041	26,054	2,441	-	-
Kilang am	11,283	4,415	8,163	-	-
Kenderaan bermotor	7,079	82,199	7,359	166,720	659,223
Kapal terbang	360	574	123	-	-
Kapal	2,836	1,840	365	-	-
Isirumah	0	226	62	-	-
Jumlah:	51,599	115,308	18,513	166,720	659,223

Sumber: JICA, (1993), “Air Quality Management Study for Klang Valley Region”. Universiti Teknologi Malaysia.

Daripada sumber kenderaan bermotor, kenderaan persendirian merupakan sumber pencemaran udara yang utama kerana bahan cemar banyak dikeluarkan oleh kenderaan tersebut dan bilangan kenderaan persendirian mencatatkan jumlah tertinggi berbanding jenis kenderaan lain. Jadual 1.3 menunjukkan pengeluaran bahan cemar terbanyak dari kenderaan persendirian dan unjuran hingga tahun 2005.

Jadual 1.3: Pelepasan bahan cemar mengikut jenis kenderaan

Bahan cemar	% Ton / tahun						Unjuran tahun 2005 Tan/Thn
	M,tosikal	Kereta p,sendirian	Teksi	Bas	Lori / Van	Jumlah	
Partikular	335 4.5%	1,829 24.1%	260 3.4%	1,006 13.3%	4,147 54.7%	7,557 100%	10,191
Nitrogen Oksida	6,342 7.9%	28,612 35.6%	2,641 3.3%	17,666 21.9%	25,182 31.3%	80,443 100%	107,370
H.karbon	21,574 9.9%	136,551 62.9%	10,303 4.8%	2,194 1.0%	46,342 21.4%	216,964 100%	266,204
Karbon Monoksida	104,653 6.5%	1,250,135 77.6%	93,407 5.7%	4,205 0.3%	159,088 9.9%	1,611,488 100%	2,265,344

Sumber: CAP National Seminar, (2001), "Changing Directions Towards Sustainable Transport in Malaysia".

Kenderaan persendirian mencatatkan jumlah tertinggi bagi pengeluaran setiap jenis bahan cemar berbanding jenis kenderaan lain. Jadual juga menunjukkan bahawa karbon monoksida mencatatkan jumlah tertinggi bagi jenis bahan cemar hasil sumber kereta persendirian iaitu 77.6%. Pelepasan karbon monoksida (CO) juga merupakan penyumbang utama bahan pencemar daripada punca bergerak, iaitu 2,274.9 ribu tan metrik daripada jumlah pelepasan pada tahun 1999. CO merekodkan peningkatan 7.4% berbanding tahun 1998 manakala pelepasan hidrokarbon (HC) mencatatkan peningkatan sebanyak 5.2%, NOx (2%), Sox (1%) dan habuk (5.2%) (Jadual 1.4).

Jadual 1.4: Pelepasan bahan pencemar ke udara mengikut jenis melalui punca bergerak 1998-2002

Pelepasan Bahan cemar	Tahun / '000 tan metrik				
	1998	1999	2000	2001	2002
CO	2,632.5	2,056.4	2,271.6	2,260.8	2,959.1
HC	555.0	457.9	134.2	128.2	158.9
NOx	147.0	146.3	349.0	247.6	241.4
SOx	38.1	43.3	374.2	168.0	219.8
Habuk Halus	22.4	19.0	109.4	73.7	77.4
Jumlah:	3,386.0	2,722.9	3,238.4	2,878.3	3,656.6

Sumber: Jabatan Alam Sekitar, (2003), "Kompendium Perangkaan Alam Sekitar 2003".

Di antara bandar-bandar utama di Malaysia pada tahun 2002, Kuala Lumpur mencatatkan purata pengeluaran CO tertinggi iaitu 3.18 ppm berbanding Shah Alam (1.29 ppm), Klang (2.01 ppm). Kuala Lumpur juga mencatatkan purata pengeluaran NO₂ tertinggi sebanyak 35.58 ppb berbanding Shah Alam (21.33 ppb) dan Klang (24.49 ppb) (Rujuk Lampiran A). Kuala Lumpur juga merupakan penyumbang ketiga tertinggi TSP selepas Johor Bahru dan Georgetown iaitu 89µg/m³ pada tahun 2002. Hasil data menunjukkan bahawa kadar bahan cemar di bandaraya utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Georgetown secara relatifnya tinggi dan meningkat kesan peningkatan kenderaan persendirian. Sekiranya tidak dikawal secara berkesan, ini boleh mengakibatkan berlakunya masalah pencemaran udara yang lebih serius di kawasan bandaraya (Jabatan Alam Sekitar, Malaysia, 2003).

1.2.2 Tekanan ke atas Alam Sekitar Bandaraya

Proses urbanisasi dalam sesebuah negara tidak dapat dielakkan sejajar dengan perkembangan ekonomi sesebuah negara atau negeri mengakibatkan ia tidak dapat dikawal secara berkesan. Keadaan ini memberi tekanan ke atas alam sekitar melalui peningkatan infrastruktur, perumahan dan pertumbuhan penduduk bandar sekaligus membawa kepada masalah semasa iaitu pencemaran, kesesakan lalulintas dan penurunan kualiti alam sekitar.

a) Peningkatan Bilangan Kenderaan Persendirian

Pertambahan bilangan kenderaan persendirian merupakan masalah yang semakin rumit dan memberi kesan kepada suasana bandar. Ini kerana, bilangan kenderaan yang banyak mengakibatkan kesesakan lalulintas di kawasan bandaraya utama seperti Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Jadual 1.7 menunjukkan bilangan kenderaan bermotor berdaftar di negara ini yang telah mencapai 12.0 juta pada tahun 2002 berbanding 11.3 juta pada tahun 2001, 10.6 juta (2000), 9.9 juta (1999), 9.1 juta (1998), 8.5 juta (1997) dan 7.7 juta (1996) (Jabatan Pengangkutan Jalan, Malaysia, 2003).

Jadual 1.7: Bilangan kenderaan bermotor berdaftar mengikut jenis, Malaysia, 1996 – 2002.

Jenis kenderaan	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
	,000 buah						
Motokar	2,887	3,271	3,452	3,787	4,146	4,558	5,001
Motosikal	3,952	4,329	4,692	5,082	5,357	5,609	5,843
Teksi & kereta sewa	59	62	65	66	67	67	68
Bas	39	43	46	48	49	50	51
Kenderaan barang	512	575	599	643	665	690	713
Kenderaan lain	238	270	287	304	316	329	346
Jumlah:	7,687	8,550	9,141	9,930	10,599	11,303	12,022

Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, 2003.

Peningkatan bilangan kenderaan persendirian kesan daripada peningkatan taraf hidup dan ekonomi penduduk bandar sekaligus meningkatkan kemampuan memiliki kenderaan persendirian. Berdasarkan statistik jumlah kenderaan berdaftar negara tahun 2000, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat jumlah kenderaan tertinggi, 2,158,177 diikuti Johor 1,474,596 dan Selangor 1,310,276. Perlis pula mencatatkan jumlah terendah 41,776 (Jabatan Pengangkutan Jalan, 2000). Pertambahan bilangan kenderaan tentunya berlaku di kawasan bandaraya seperti Bandaraya Johor Bahru dan mengakibatkan peningkatan kadar pencemaran udara mengikut julat kenderaan bermotor. Masalah yang timbul ini menyebabkan beberapa langkah telah diambil oleh pihak kerajaan dalam memastikan pertambahan kenderaan selaras dengan pembangunan semasa bandar. Khairiah Talha (2001) telah menyatakan bahawa perancangan pengangkutan perlulah dilakukan secara bersepadu dengan keadaan dasar pengangkutan dan guna tanah supaya ia mampu meminimumkan kesan sampingan seperti mengurangkan pembinaan laluan. Selain itu, pelaksanaan cara kerja teleworking juga boleh mengurangkan masalah pencemaran udara di bandar-bandar besar (Khairiah Talha, 2001).

Berdasarkan USEPA, pertambahan bilangan kenderaan yang berlaku di bandar utama berpunca dari sumber bergerak yang semakin meningkat terutama di beberapa negara maju. Ini merupakan pernyataan bagi menggambarkan pelbagai kenderaan, enjin dan peralatan yang menjanakan pencemaran udara yang bergerak, boleh bergerak dari satu tempat ke tempat lain (USEPA, 2002). Ia terbahagi kepada 2 aspek iaitu kenderaan di atas jalan dan bukan di atas jalan. Kenderaan di jalan

merupakan kenderaan yang melibatkan jenis penumpang dan pengangkutan barangan (USEPA, 2002). Kenderaan bukan diatas jalan pula merupakan kenderaan atau peralatan yang tidak melibatkan penumpang serta terlibat dalam sektor pembinaan, industri, pertanian, komersil dan sebagainya.

b) Kesesakan Lalulintas

Masalah kesesakan lalulintas dan kelemahan sistem pengangkutan bandaraya sering dianggap menjadi virus kepada perkembangan sesebuah bandar. Penduduk bandar seperti sudah sinonim dengan keadaan kenderaan yang bersesak-sesak dan mendatangkan keburukan seperti kemalangan jalanraya, pertembungan antara kenderaan dan percanggahan gunatanah. Daripada perangkaan tahun 2002 oleh JPJ, kira-kira 5.0 juta kereta persendirian didaftarkan di Malaysia dan Johor sahaja mencatatkan sebanyak 644,816 ribu kenderaan persendirian. Jumlah ini menunjukkan peningkatan lebih 300% sejak 1987 apabila hanya 3.6 juta kenderaan didaftarkan. Pada asalnya, pelbagai cara dilaksanakan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas sehingga jalan raya yang dulunya setingkat kini menjadi bertingkat-tingkat bagi menampung peningkatan tersebut. Langkah ini menimbulkan satu lagi kesan sampingan iaitu pertembungan di susur keluar dan mengakibatkan aliran lalulintas yang tidak lancar. Pertambahan dan pembinaan jalan raya di kawasan bandaraya hanya boleh mengatasi masalah dalam tempoh yang singkat sahaja dan menimbulkan satu lagi masalah kos tanggungan yang besar oleh pihak berkuasa tempatan.

Di Kuala Lumpur, pelbagai langkah dilaksanakan seperti pembinaan lebuhraya, lebuhraya bertingkat, menaik taraf jalan, penyediaan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) serta menyeragamkan pengangkutan bas awam. Langkah ini masih tidak dapat mengatasi kesesakan lalulintas yang sudah sinonim dengan bandaraya Kuala Lumpur. Purata sehari sebanyak 70,000 buah kenderaan memasuki jalan utama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehingga Oktober 2000, sebanyak 812,060 kenderaan melalui jalan utama dalam tempoh utama 16 jam. Pembinaan LRT bukan jalan penyelesaian kerana timbul pula masalah kekurangan tempat letak kereta di stesen-stesen LRT. Selain itu, kadar bayaran tol yang tinggi menyebabkan pengguna lebih gemar menggunakan jalan raya biasa.

1.2.3 Peningkatan Hak Milik Kenderaan

